

# Dirgahayu Malaysiaku berdaulat

KU HASNAN HAJI KU HALIM

**K**emerdekaan bukan sekadar suatu hari atau tarikh. Ia merujuk keadaan batin. Ia adalah persoalan jiwa merdeka. Manusia berjiwa merdeka adalah manusia yang insafakan kedudukannya yang tidak menjadi hamba sesiapa melainkan hanya kepada Tuhannya. Kerana itu, manusia berjiwa merdeka tidak akan dapat ditakluki atau ditunduk oleh walau sesiapa. Dalam konteks negara ini, kemerdekaan adalah suatu perjuangan mengangkat dan mendaulat martabat bangsa.


Walaupun terdapat tarikh pengisytiharannya yang spesifik, tetapi ia bukanlah sesuatu yang statik atau antik. Sebaliknya, ia sesuatu yang dinamik dan berpanjangan, sedinamik dan sepanjang usia negara merdeka ini - dulu, kini dan selamanya. Kemerdekaan negara ini tidak datang dengan mudah.

Ia terhasil melalui semangat dan keringatoleh paranasionalispejuang. Ramai yang sekadar mengingat proses perundingan di London. Tetapi, rombongan perunding negara itu bukan pergi dengan sejarah perjuangan yang kosong,

Mereka pergi dengan latar belakang sebagai bangsa pertama di wilayah sebelah sini yang mengangkat senjata melawan kuasa besar dari luar - suatu sejarah perjuangan yang sarat air mata, darah dan nyawa. Jelasnya, kemerdekaan negara ini terhasil melalui perjuangan dan pengorbanan.

Ia mesti dipertahankan. Malah, ia mesti diperkaya dengan pengisian yang memintas dan merentas zaman. Kerana itu, dengan perkembangan globalisasi dan liberalisasi kini, persoalan kemerdekaan wajar dibincang semula, bahkan perlu secara lebih membara lagi perkasa. Bukan sebagai langkah reaksi akibat diserang penjajahan bentuk baru oleh kuasa besar, tetapi sebagai langkah aspirasi yang menjelma daripada bangsa berjiwa merdeka yang bersedia berpencak di pentas dunia - dengan bunganya sendiri.

Pengisian kemerdekaan dan patriotisme juga adalah dengan cara mengungguli ilmu pengetahuan. Dengan kekuatan ilmu, aqidah dan perpaduanlah kita berjaya membebaskan negara ini daripada penjajah. Negara akan dipandang tinggi dan dihormati sekiranya rakyatnya berilmu pengetahuan

 ***Pengisian kemerdekaan dan patriotisme juga adalah dengan cara mengungguli ilmu pengetahuan. Dengan kekuatan ilmu, aqidah dan perpaduanlah kita berjaya membebaskan negara ini daripada penjajah.***

dan ramai cendekiawannya, membuat penemuan dalam bidang sains, teknologi, sains sosial dan kemanusiaan. Negara akan dipandang tinggi dan dihormati jika rakyatnya bekerja kuat, bersabar, mempunyai integriti dan sinergi, berkualiti dan saling bekerjasama dalam segala aspek kehidupan.

Umat Islam khususnya perlu menjadi peserta dalam kepesatan arus pembangunan global politik dan ekonomi dunia. Pengisian kemerdekaan dan patriotisme ialah dengan memperkukuhkan identiti dan jati diri, memantapkan aqidah, iman dan ketakwaan kita. Kita perlu membebaskan diri kita daripada sebarang elemensyirik dan kenipisan keimanan dan kembali kepada tauhid dan komitmen beragama. Rakyat yang beriman, budiman lagi berilmu boleh menjadi pendinding daripada kemaraan globalisasi

negatif dan rempuhan budaya Barat yang bertentangan dengan Islam. Dengan aqidah, patriotisme dan keimanan, generasi kita diharap dapat menyambung semangat pengisian kemerdekaan dan meneruskan tradisi kecemerlangan kepemimpinan dalam negara kita.

Negara berhasil capai kemerdekaan dan mewujud serta bina negara berdaulat. Kemerdekaan negara adalah kemerdekaan rakyat daripada perhambaan dan penjajahan Kolonial British yang mengongkong serta menekan hasrat kebebasan. Sistem perlembagaan yang diperuntukkan Parlimen dan diperundangan adalah sistem yang menjamin hak dan kebebasan rakyat serta kedaulatan syiar Islam. Kegemilangan tercapai hasil tertegaknya hukum Islam dan kemuliaan daulat yang mendaulatkan hukum syariah dan

mengamalkan inti ajaran Islam serta prinsip syura dan kaedah berpolitik yang disarankan.

Kemerdekaan menjamin hak kebebasan untuk berpolitik, bermasyarakat, bersuara, berfikir, beragama, dan mengamalkan fahaman yang dianuti dan menentukan dasar serta cara hidup tersendiri yang sesuai dengan keadaan dan tuntutan zaman. Jangan kita hampakan hasrat bapa-bapa kemerdekaan kita yang telah berhempas pulas memperjuangkan kemerdekaan negara tercinta ini.

Kita bersyukur kepada ALLAH SWT kerana dengan kemerdekaan, erti keamanan lebih bermakna dalam diri kita. Kita menikmati berbagai kemakmuran, pembangunan dan kemajuan. Kita berdoa semoga ALLAH kekalkan nikmat ini dan melebihkannya agar kita lebih sayangkan agama dan negara. Kita harus belajar dari sejarah silam. Kita wajar pertahan kemerdekaan negara dengan kebijaksanaan. Sesungguhnya usaha untuk bina lebih sukar berbanding usaha dan ikhtiar untuk memusnahkannya.

*\* Penulis ialah Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ummu dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Omi (UTHM)*